

## BAHAN-BAHAN UNTUK UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DI TOK UBAN PADA 13 OGOS 1967

---

Saya amat sukacita mendengar laporan-laporan yang sambutan dan sokongan bagi calon Perikatan dalam Pilihanraya Kecil di Pasir Mas Ulu kali ini sangatlah baik dan hebat. Kepercayaan dan keyakinan saya sekarang tentang harapan kita menang telah bertambah dan makin teguh setelah saya sendiri melihat sambutan yang meriah dan semangat yang kuat tuan-tuan dan puan-puan sekalian tunjukkan pada petang ini. Saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian terima kasih atas sokongan ini dan sungguh-sungguh berharap semangat tuan-tuan dan puan-puan akan berkobar-kobar lagi dan tuan-tuan dan puan-puan akan lebih rajin, tekun dan rapi lagi untuk menjamin kemenangan kita dalam pilihanraya kecil ini.

Perikatan mustahak menang dalam pilihanraya kecil ini - dan saya harap pengundi-pengundi di Pasir Mas Ulu akan beramai-ramai menyokong Perikatan kali ini, untuk mengalahkan PAS. Selama 8 tahun PAS memerintah Kelantan, tetapi tidak ada apa pun pembangunan dan kemajuan yang dijalankan olehnya.

Kenapa Perikatan penting menang?

- 1) Untuk memberikan Perikatan '*breakthrough*' untuk pilihanraya umum 1969 atau 'membuka pintu' bagi kemenangan Perikatan untuk berkuasa di Negeri Kelantan pada tahun 1969. Kekuatan Perikatan dalam Parlimen teguh, kalau kita kalah pun di Pasir Mas ini tidak menjadi apa-apa kepada kerajaan kita, tetapi, kita mesti ikhtiar supaya kita menang untuk memerangsangkan rakyat Kelantan untuk menggulingkan PAS di Kelantan pada tahun 1967. Kalau kita menang di Pasir Mas, maka kawasan-kawasan lain di Kelantan senanglah Perikatan menang.
- 2) Kemenangan Perikatan akan menjamin perhatian yang berat bagi kemajuan rakyat dan negeri Kelantan. Sekarang pun Kerajaan Pusat menolong, Kelantan, kalau tidak sudah lama bangkrup dan mundur, tetapi dengan kemenangan Perikatan di sini, 'murahtlah lagi' hati Kerajaan Pusat. Pasir Mas Ulu ini banyak pembangunan-pembangunan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Pusat, bekalan air untuk penanam-penanam padi di Tok Uban, Pusat Eletrik di Lemal dan beberapa sekolah baru dan lain lagi telah pun dibangunkan.  
Dengan kemenangana Perikatan, kita akan lipat kali gandakan lagi pembangunan dalam daerah ini, khasnya dalam pembangunan Agama. Banyak madrasah-madrasah telah dibangun melalui Kelas-kelas Dewasa Sekolah-sekolah Agama dalam daerah ini yang dapat bantuan daripada Kerajaan Pusat dan kita akan terus membantu untuk membina masjid-masjid, surau-surau dan sekolah agama. Kita akan mengadakan lampu-lampu elektrik ke kampung-kampung jika Perikatan menang.
- 3) Kemenangan calon Perikatan penting kerana Che' Hussein adalah anak

tempat dan telah bekerja di sini seumur hidupnya. Walaupun ia kalah dalam pilihanraya tahun 1964, ia telah bekerja di dalam kawasan ini seolah-olah dialah **wakil rakyat**. Semua orang-orang tahu, hakikat ini pun diakui oleh semua termasuk orang-orang PAS. Mneteri Besar Kelantan, Dato' Asri, pun memuji yang calon Perikatan ini baik orangnya, rakyat biasa, senang ditemui, anak kampung, seperti tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Calon Perikatan ini seorang rakyat biasa yang pernah susah dan orang susah senang menolong yang sama susah, sama-sama kita, senang buat kira bicara.

- 4) Calon Perikatan akan tinggal di sini, bukan di Pengkalan Chepa dan tidak ada perniagaan, dan aktiviti-aktiviti lain, selain dari kerja-kerja parti dan menjadi wakil rakyat yang '*full-time*'.

Selain daripada itu, baiklah tuan-tuan dan puan-puan menyokong pihak yang akan menang, saya yakin Perikatan akan menang, saya yakin Perikatan akan menang kali ini - banyak kubu-kubu PAS telah ditembusi, dan ini memberi kita harapan yang baik untuk menang. Lagi pun rakyat telah sedar yang PAS ini hanya bercakap sahaja. Apa pun tak dibuatnya. Lain kata, lain yang dibuatnya.

Kerja-kerja Agama tidak dijalankan - berapa banyak rancangan-rancangan untuk meninggikan agama Islam telah dilaksanakan semenjak PAS memerintah?

Pemimpin-pemimpin Islam dunia seperti Professor Mohamed Nasir, bekas Perdana Menteri Indonesia dan Hamka, Ulama Indonesia yang terkenal yang baru-baru ini melawat Malaysia dan Kelantan memuji Kerajaan Perikatan kerana membangun masjid-masjid, surau-surau dan madrasah-madrasah.

Kata Dr. Hamka kepada saya: 'Masjid seharusnya didirikan oleh pemerintah atau Kerajaan kerana rakyat yang susah dan sedang membangun ekonominya sudah tentu tidak mampu hendak mendirikannya masjid-masjid yang cantik, megah.

Setelah masjid-masjid itu didirikan maka wajiblah pula orang-orang Islam bersyukur dan berusaha mengisi masjid itu dengan ibadat dan mengaji agama'.

Itulah tujuan Kerajaan Perikatan. Kita sedar orang-orang kampung susah hendak hidup, maka sebab itulah biarlah Kerajaan yang mendirikan masjid-masjid itu. Tetapi PAS tidak buat. Biarlah Perikatan buat!

Orang-orang Melayu tak patutlah berpecah belah, apa yang PAS hanya mimpi hendak buat telah dibuat oleh Perikatan - PAS hanya bercakap sahaja dan wang pun tidak ada.

Sebab itulah kata ulama-ulama Indonesia dan Islam lain yang melawat ke Malaysia ini:

'Di Malaysia tidak seharusnya ada Parti Islam kerana UMNO, ialah Parti Islam yang memerintah dan telah membuat serba serbi yang dikehendaki oleh Perlembagaan dan rukun-rukun Islam. PAS hanya hendak mengacau sahaja'.

## **MARA**

Dengan perlantikan Ketua Menteri Melaka, Encik Ghaffar sebagai Pengerusi MARA, akan lebih dinamis dan dapat memberi banyak kemajuan kepada rakyat bumiputera.

Satu daripada rancangan besar MARA ialah rumah gotong royong. Saya berharap beberapa contoh rumah ini dapat didirikan dalam kawasan Pasir Mas

Ulu ini jika Perikatan menang.

Di bawah rancangan ini MARA akan membantu orang-orang kampung dengan memberi tiang kayu dan papan dan yang lain hendaklah dicari oleh orang-orang itu sendiri - makna Kerajaan bagi separuh, dan separuh lagi terpulangnya kepada orang-orang kampung. Syarat utama untuk mendapat bantuan rumah gotong royong ini ialah - orang itu mestilah mempunyai tapak tanah di mana rumah itu hendak didirikan.

Di mana-mana pun saya bercakap saya selalu menasihatkan orang-orang Melayu supaya jangan harap segala-galanya kepada Kerajaan. Tetapi bagi rakyat Kelantan kerana mereka tidak dapat banyak kemajuan mereka hendaklah berharap-berharap kepada Kerajaan untuk menolong mereka kerana Kerajaan PAS tak boleh diharapkan. Kerana itu rakyat Kelantan mestilah menyokong Perikatan supaya kita dapat memerintah Kelantan dan memberinya kemajuan.